


DILULUSKAN UNTUK SEBUT HARGA OLEH :



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA


Sr. AALIZA BINTI BAKAR
Pegawai
Seksyen Kontrak dan Perolehan
Bahagian Pengurusan Ase
Timbalan Naib Canselor (Perancangan)
Universiti Teknologi Malaysia
81310 UTM Johor Bahru, Johor

NASKAH MEJA SEBUT HARGA

SH/2024-63/D-1/SPB/BPA

**KERJA PEMBINAAN RUANG TAPAK
PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL DI
MAKMAL PENGANGKUTAN (BLOK D02)
FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UTM
JOHOR BAHRU, JOHOR**

TARIKH TAKLIMAT DAN LAWATAN TAPAK : WAJIB : _____

TIDAK WAJIB

TARIKH JUALAN : 29 SEP 2024 HINGGA : 06 OCT 2024

TARIKH TUTUP : 08 OCT 2024

PENYELARAS PROJEK : EN. AIZAT FAHMI BIN AHMAD
(no. samb. : 30316)

JURUUKUR BAHAN
BERTANGGUNGJAWAB : PN. ROZZAIRAH BINTI KAHAR
(no. samb. : -)

PAKEJ KERJA

SENIBINA ELEKTRIKAL MEKANIKAL AWAM PERABOT

Ruj. Kami : UTM.J.17.03.04.01/16.11/453 (4)
Tarikh : 26 September 2024

Kepada,

Penyebut Harga

Tuan,

SEBUT HARGA BAGI : **KERJA PEMBINAAN RUANG TAPAK PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL DI MAKMAL PENGANGKUTAN (BLOK D02) FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UTM JOHOR BAHRU, JOHOR**

Sebutharga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan* dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut:-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
Gred : **G1**
Kategori : **B (Pembinaan Bangunan)**
Pengkhususan : **B04 (Kerja Am Bangunan) atau B28 (Kerja Ubahsuai)**
Sijil Taraf Bumiputera (STB) (*jika berkenaan*)
- iii) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)

2. Borang Sebut Harga yang telah siap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermetri bertanda **SH/2024-63/D-1/SPB/BPA** dan dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di **Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** sebelum atau pada **08 OCT 2024** jam 12.00 tengah hari.

3. Kenyataan Sebut Harga, Senarai Semakan Sebut Harga, Arahan Kepada Penyebut Harga, Syarat-Syarat Sebut Harga, Spesifikasi Kerja, Borang Sebut Harga, Ringkasan Sebut Harga, Jadual Kadar Harga, Maklumat Penyebut Harga dan Lukisan dikembarkan bersama-sama ini.

4. Naskah Sebut Harga ini dijual dengan harga sebanyak **RM30.00/naskah** atas talian melalui Payhub UTM dipautan <https://payhub.utm.my> dengan kod EPROCUMENT JHB (UTMJHB).

5. Pihak UTM tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah sekali atau mana-mana Sebut Harga lain.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(Sr ASLIZA BINTI BAKAR)

Pengarah Seksyen Kontrak dan Perolehan

b.p.: Pengerusi

Bahagian Pengurusan Aset

Jabatan Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

☎: 07-5530320

✉: asliza@utm.my

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA
JOHOR BAHRU**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Sebut Harga adalah dipelawa daripada Penyebut Harga yang berdaftar dengan LPIPM/CIDB, PKK atau Kementerian Kewangan dan Sistem Pendaftaran Kontraktor (UTMfin) seperti berikut ;-

- i) Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK)
- ii) Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK)
 - Gred : **G1**
 - Kategori : **B (Pembinaan Bangunan)**
 - Pengkhususan : **B04 (Kerja-Am Bangunan) @ B28 (Kerja Ubahsuai)**
- iii) Sijil Taraf Bumiputera (STB) *(jika berkenaan)*
- iv) Sijil Pendaftaran Kontraktor (UTMfin)
- v) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan : -

dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja-kerja berikut:

**KERJA PEMBINAAN RUANG TAPAK PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL DI MAKMAL PENGANGKUTAN
(BLOK D02) FAKULTI KEJURUTERAAN AWAM, UTM JOHOR BAHRU, JOHOR**

SH/2024-63/D-1/SPB/BPA

2. Segala butiran dan Naskah Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat di **Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** dengan mengemukakan bayaran dokumentasi sebanyak **RM30.00** atas talian melalui payhub dipautan <http://payhub.utm.my> dengan pilihan EPROCUREMENT JHB (UTM JB)

3. Naskah Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Wakil-wakil Penyebut Harga yang namanya tercatat dalam Surat Pendaftaran sahaja. Bagi Wakil-wakil Penyebut harga yang namanya tidak terdapat dalam Surat Pendaftaran hendaklah membawa bersama Surat Perwakilan Kuasa yang sah dari syarikat masing-masing. Penyebut Harga/Wakil-wakil Penyebut Harga yang sah hendaklah membawa SURAT PENDAFTARAN ASAL yang dikeluarkan oleh LPIPM/CIDB, PUSAT KHIDMAT KONTRAKTOR atau Kementerian Kewangan dan UTMfin (yang mana berkaitan).

4. Naskah Sebut Harga boleh diperolehi pada 29 SEP 2024 hingga 06 OCT 2024 mulai jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang di **Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor**. Naskah meja sebut harga juga boleh diperoleh secara atas talian menerusi pautan yang disediakan di akaun 'Facebook' rasmi Seksyen Projek dan Penyenggaraan dan laman sesawang rasmi <https://dvcdev.utm.my/spp/>

5. Sebut harga ini akan ditutup pada 08 OCT 2024. Naskah Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga di Seksyen Kontrak dan Perolehan, Bahagian Pengurusan Aset, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Johor** tidak lewat daripada jam 12.00 tengah hari pada hari tersebut.